

Headline	Dam dalam ibadah haji, umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20,21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1731 cm <sup>2</sup>
Journalist	Tengku Aziz Raja Abdullah	AdValue	RM 34,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 103,578



## agama >

**NOTA:** \*\* Dam sekali sahaja walaupun berlaku berkali-kali dalam tempoh satu ihram dan tidak berdosa jika atas dasar keperluan.

**TARAFUHH** - merujuk kepada larangan kategori bersifat perkara yang disukai. Hanya dikenakan Dam sekiranya sengaja melakukannya. Berdosa jika sengaja dan tidak berdosa jika tidak sengaja.

# Dam dalam ibadah haji, umrah

Ibadah gantian kerana sebab-sebab tertentu

**D**AM dalam ibadah haji dan umrah dari segi bahasa bermaksud darah manakala dari segi istilah pula bermaksud ibadah gantian yang merupakan binatang *al-An'am* disembelih seperti unta, lembu, kambing/kibas atau gantinya daripada makanan di Tanah Haram atau puasa dikenakan ke atas mereka yang menunaikan haji atau umrah di atas sebab-sebab yang tertentu.

Dam boleh di kategorikan kepada dua bahagian utama, iaitu sebab-sebab diwajibkan dan jenis-jenisnya.

- Tujuh sebab diwajibkan Dam:
- Melakukan perkata-perkara yang dilarang semasa berihram (larangan dalam ihram)
- Meninggalkan wajib haji dan umrah
- Melaksanakan Haji Tamattu' atau Qiran (menurut syarat-syarat tertentu)
- Luput Wuquf di Arafah setelah berniat ihram
- Meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur syarie
- Berlaku ihsar bagi mereka yang telah berniat ihram (terhalang daripada menyempurnakan rukun haji atau umrah atas sebab-sebab musuh, penyakit dan sebagainya)
- Melanggar nazar semasa mengerjakan haji dan umrah

2) Jenis-jenis Dam:

- Dam Tertib dan Taqdir
- Dam Tertib dan Ta'dil
- Dam Takhyir dan Taqdir
- Dam Takhyir dan Ta'dil



TABUNG HAJI  
حج على الله

## bicara haji

Oleh **TENGGU AZIZ RAJA ABDULLAH**  
Pengurus Besar (Bimbingan)  
Lembaga Tabung Haji  
(tgaiz@lh.gov.my)



**UNTA** merupakan binatang *al-An'am* disembelih dan boleh dijadikan Dam atau ibadah gantian semasa menunaikan haji atau umrah.  
- GAMBAR HIASAN

**BICARA HAJI 2016**

**KUIZ BERSIRI**

**16** Pakej percutian bersama TH Hotel & Residence Sdn. Bhd.

**HADIAH UTAMA**

**3H2M** di Kota Minsabalu, Kuala Terengganu atau Alor Setar.

Sodalan Siri 5  
Di manakah letaknya Masjid Nabawi?

Peserta perlu mengulangi slogan:  
"Saya mulia membaca nuzuman Bicara Haji yang disiarkan dalam Mega, Utusan Malaysia kerana..." (tidak lebih 200 perkataan)

Nama: \_\_\_\_\_  
Alamat: \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_  
No. Telefon: \_\_\_\_\_  
Pekerja: \_\_\_\_\_

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Berumur 18 tahun ke atas  
Beragama Islam  
Jawapan hendaklah dikumpulkan dari Siri 1 hingga Siri 15  
Sekiranya ada jawapan yang sam, pemenang ditentukan melalui undian terbuka dan kreatifiti  
Setiap penyertaan mestilah disertai dengan 15 Masthead MEGA  
Hanya penyertaan menggunakan borang rasmi kuiz yang disediakan dalam MEGA akan diterima  
Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilaen  
Terhenti tutup penyertaan **31 JULAI 2016**

Kelompok penyertaan hendaklah dihantar kepada:  
**"KUIZ BERSIRI BICARA HAJI 2016"**  
AGAMA MEGA  
UTUSAN MELAYU (M) BERHAD  
NO. 44, JALAN UTUSAN  
OFF JALAN CHAN SOU LIN  
55000, KUALA LUMPUR

### GARIS PANDUAN PEMBAYARAN DAM JENIS/BAYARAN DAM



1.	DALAM BAB LARANGAN IHRAM (SEMASA DALAM IHRAM)	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	CATATAN
BIL.	JENIS KESALAHAN-PAKAIAN				
1.1	Memakai pakaian bersarung atau berjahit dan bercantum bagi lelaki sahaja				
1.2	Menutup kepala atau sebahagiannya bagi lelaki sahaja				
1.3	Menutup muka atau sebahagiannya atas faktor kesihatan atau terpaksa bagi wanita sahaja**				
1.4	Memakai sarung tangan** (Lelaki Dan Wanita)	Menyembelih seekor kibas atau kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta, daging disedekahkan kepada penduduk miskin Tanah Haram			Kategori Tarafuuh: Jika dilakukan dengan sengaja dikenakan Dam. Sekiranya dengan lupa atau tidak sengaja tidak dikenakan Dam.  Jenis Dam Takhyir dan Taqdir
JENIS KESALAHAN - BERWANGI-WANGIAN	Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak dua cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60)				
1.5	Memakai bau-bauan sama ada di badan, pakaian atau menghidunya. (Lelaki dan Wanita)	Berpuasa selama tiga hari di mana-mana tanpa syarat berturut-turut.			
JENIS KESALAHAN - KECANTIKAN	ATAU ➡				
1.6	Memakai minyak di kepala atau janggut dan semua bulu muka selain daripada yang tumbuh di pipi, dahi dan atas hidung. (Lelaki dan Wanita)	ATAU ➡			



Headline	Dam dalam ibadah haji, umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20,21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1731 cm <sup>2</sup>
Journalist	Tengku Aziz Raja Abdullah	AdValue	RM 34,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 103,578

**ITLAF** - merujuk kepada larangan kategori bersifat musnah, rosak binasa/terpisah. Tetap dikenakan Dam sama ada perbuatan tersebut dilakukan secara sengaja atau tidak. Berdosa jika sengaja dan tidak berdosa jika tidak sengaja.

**agama**

1.	DALAM BAB LARANGAN IHRAM (SEMASA DALAM IHRAM)	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	CATATAN
1.7	Menanggalkan rambut atau bulu di mana-mana anggota badan. (Lelaki dan wanita)				<p><i>Kategori Itlaf:</i> Jika dilakukan dengan sengaja (berdosa) atau jahil atau tidak sengaja (tidak berdosa) tetapi tetap dikenakan Dam. Sekiranya gugur yang tidak dipastikan puncanya/ syak sama ada perbuatannya atau orang lain (seperti semasa tidur) atau gugur dengan sendirinya (seperti semasa mandi tanpa perbuatan menggosok), maka tidak dikenakan Dam.</p> <p><i>Jenis Dam Takhyir dan Taqdir</i></p>
a.	Satu helai rambut atau bulu badan	1 cupak = SR5		<p>Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak dua cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60)</p> <p>ATAU ➡</p>	
b.	Dua helai rambut atau bulu di mana-mana anggota badan	2 cupak = SR10			
c.	Tiga helai dan lebih rambut di mana-mana anggota badan yang berasingan atau masa yang berbeza	Setiap sehelai rambut atau bulu yang tertanggal 1 cupak = SR5			
d.	Tiga helai dan lebih, rambut/ bulu di mana-mana anggota badan dalam masa yang sama (dengan cara serentak dan anggota badan yang sama)	Menyembelih seekor kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta dan daging disedekahkan kepada penduduk miskin Tanah Haram			ATAU ➡
1.8	Mengerat/memotong/mengikis/menggigit kuku. (Lelaki dan wanita)				<p>Berpuasa selama tiga hari di mana-mana tanpa syarat berturut-turut</p> <p><i>Kategori Itlaf:</i> Jika dilakukan dengan sengaja (berdosa) atau jahil atau tidak sengaja (tidak berdosa) tetapi tetap dikenakan Dam.</p> <p><i>Jenis Dam Takhyir dan Taqdir</i></p>
a.	Satu potongan/ guntingan/ kikisan/ gigitan kuku	1 cupak = SR5		<p>Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak dua cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60)</p> <p>ATAU ➡</p>	
b.	Dua potongan/ guntingan/ kikisan/ gigitan kuku	2 cupak = SR10			
c.	Tiga potongan/guntingan/ kikisan/gigitan kuku secara berasingan (pada tempat yang berlainan)	Setiap satu potong kuku yang tertanggal 1 cupak = SR5			
d.	Tiga potongan/ guntingan/ kikisan/ gigitan kuku dan lebih dalam masa yang sama (secara serentak) pada tempat anggota yang sama	Menyembelih seekor kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta, serta daging disedekahkan kepada penduduk miskin Mekah			ATAU ➡

**JENIS KESALAHAN - ALAM SEKITAR**

1.9	Memotong/menebang / mengerat/ mencabut pokok di Tanah Haram kecuali pokok mati di Mekah/ Muzdalifah/Mina. (Lelaki dan wanita)				<p>Secara sengaja atau tidak sengaja sama ada di dalam atau diluar ihram wajib bayar Dam jika kesalahan berlaku di dalam Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina)</p> <p><i>Jenis Dam Takhyir dan Ta'dil</i></p> <p><i>Nota:</i> Tanah Haram Madinah hanya berdosa tetapi tidak dikenakan Dam. Daun kering atau hidup yang dicabut sam ada di Tanah Haram tidak dikenakan Dam.</p> <p><i>Panduan saiz pokok dan nilai Dam:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jika saiz pokok kecil (kurang 1/7 daripada yang besar) Damnya adalah mengikut nilai semasa pokok tersebut,</li> <li>● Jika saiz pokok sederhana (1/7 daripada yang besar) Damnya adalah menyembelih seekor kambing biasa,</li> <li>● Jika saiz pokok sederhana (2/7 daripada yang besar) Damnya adalah menyembelih seekor kambing yang besar,</li> <li>● Jika saiz pokok besar Damnya adalah menyembelih seekor lembu/ unta.</li> </ul>
a.	Pokok kecil	<p>Menyembelih binatang ternakan al-An'am mengikut bandingan pokok</p> <p>ATAU ➡</p>		<p>Berpuasa beberapa hari sebanyak bilangan cupak makanan yang dapat dibeli mengikut nilai binatang ternakan al-An'am, (1 cupak 1 hari)</p>	
b.	Pokok sederhana				
c.	Pokok besar				
1.10	Memburu / membinasakan binatang buruan di Tanah Haram dan Tanah Halal. (Lelaki dan wanita)				<p>Ketika berada di dalam ihram tetap dikenakan Dam jika memburu binatang buruan yang halal dimakan atau membinasakannya di Tanah Halal</p> <p><i>Jenis Dam Takhyir dan Ta'dil</i></p>
a.	Kecil (Amab)	<p>Menyembelih binatang ternakan al-An'am mengikut bandingan binatang</p> <p>ATAU ➡</p>		<p>Membeli makanan mengikut nilai harga binatang ternakan al-An'am atau dan disedekahkan kepada fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) atau nilai makanan dan disedekahkan</p> <p>ATAU ➡</p>	
b.	Sederhana (Kijang)				
c.	Besar (Rusa)				